

21/03/1997

Kuan Yew wajar hormati perasaan rakyat Malaysia

Saodi Mat Atar

TAMBAK Johor yang hampir sebaya usianya dengan Menteri Kanan republik itu, banyak menyimpan sejarah hubungan di antara Johor-Singapura.

Sudah 73 tahun jambatan sepanjang 1.1 kilometer itu yang merentangi Selat Tebrau menjadi penghubung mereka dan sebagai saksi betapa Johor amat penting kepada Singapura.

Sejak Gabenor Sir Laurence Guillemard merasmikan pembukaan Tambak Johor pada 28 Jun 1924, untuk mengambil alih perkhidmatan feri, ia berfungsi sebagai jambatan sosial dan ekonomi yang amat berkesan.

Tanpa mengambil kira bekalan air Johor ke Singapura, kebelakangan ini negeri di selatan tanah air itu bukan saja menjadi amat penting kepada usahawan dan ahli perniagaan Singapura, malah kepada suri rumah yang menikmati keuntungan tukaran wang apabila berbelanja di Johor.

Tidak seperti ibu kota Kuala Lumpur mahu pun Pulau Pinang yang agak selesa untuk memandu pada hujung minggu, Johor Bahru menjadi agak sesak dengan puluhan ribu warga Singapura datang berbelanja dan bercuti setiap Sabtu dan Ahad.

Walaupun faedahnya berbentuk dua hala, namun ia dilihat lebih banyak memihak kepada usahawan dan warga republik itu sama ada untuk mengembangkan sayap perniagaannya mahupun merebut peluang hartanah.

Kira-kira 40,000 hingga 45,000 warga Singapura dilaporkan masuk melalui pemeriksaan Imigresen di Tambak Johor setiap hari bagi menjalankan pelbagai urusan termasuk perniagaan, bekerja, membeli-belah dan bercuti.

Jumlah itu adalah antara 70 peratus daripada 60,000 pelawat asing yang masuk ke negeri ini melalui Tambak Johor. Angka itu bagaimanapun meningkat kepada 70,000 pada hujung minggu, cuti am dan cuti sekolah di republik berkenaan.

Perangkaan terbaru Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) pula menunjukkan Singapura menjadi pelabur asing terbesar di Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.847 bilion dalam tempoh tujuh tahun lalu.

Peningkatan pelaburan terutama dalam sektor perkilangan meningkat agak mendadak kepada RM3.235 bilion tahun lalu dengan 91 projek berbanding RM406.89 juta pada 1990.

Jumlah itu adalah terbesar berbanding negara lain termasuk Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan Amerika Syarikat. Sebagai perbandingan, 34 projek diluluskan kepada pelabur dari Jepun, Taiwan (tujuh), Korea Selatan (dua) dan Amerika Syarikat (enam).

Jadi, jika Lee menyatakan beliau sudah tidak ke Johor sejak 1990 sekali gus tidak sedar mengenai perkembangan di negeri ini, bagaimana Singapura boleh menidakkan hakikat bahawa warga republik itu semakin menjadikan Johor sebagai tumpuan mereka.

Kerajaan negeri Johor mahupun Kerajaan Pusat sudah mengambil pelbagai langkah bagi memudahkan lagi perhubungan di antara Malaysia dan Singapura sejak tambak selebar 18 meter itu dibina dengan kos RM17 juta menerusi biaya Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Kerajaan Johor dan Negeri-Negeri Selat.

Tambak itu dilebarkan tiga kali pada 1964, 1976 dan baru-baru ini untuk meningkatkan jumlah lorong pemeriksaan Imigresen daripada 17 kepada 22 lorong dan petak pemeriksaan Kastam daripada 22 kepada 66 petak.

Bagi menampung pembangunan dua hala terutama dalam sektor ekonomi, sebuah jambatan bagi menghubungkan Gelang Patah dengan Tuas di Singapura sedang dibina menerusi konsep penswastaan.

Dalam usaha begitu gigih meningkatkan hubungan, kenyataan Lee dalam afidavitnya terhadap calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong mencetuskan kontroversi apabila Johor dilabelkan sebagai tidak selamat kerana terkenal dengan kejadian tembak menembak, samun dan rampas kereta.

Selain memperhitungkan sejauh mana kebenaran kata-kata Menteri Kanan Singapura itu, berbangkit persoalan sama ada Lee mengambil berat perasaan jirannya dan rasa hati rakyat Singapura sendiri yang menjadikan Johor sebagai rumah kedua mereka.

Perdana Menteri ketika mengadakan lawatan ke Johor, minggu lalu, yang secara kebetulan isu cercaan Lee menjadi topik perbualan, mengakui betapa sukarnya mengekalkan hubungan erat dengan Singapura.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan agak berat hati mendedahkan beberapa contoh termasuk tekanan oleh Singapura untuk mengambil semula pangkalan tentera laut Malaysia di Woodlands dan tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjung Pagar.

Menurut Perdana Menteri ada banyak perkara yang tidak diketahui ramai mengenai kesukaran menjaga hubungan dengan republik itu, lebih-lebih lagi pelbagai perkara dan isu sentiasa dibangkit dan didebatkan dari semasa ke semasa.

Kini, Lee sudah meminta maaf kerana keterlanjurannya, tetapi lukanya masih berbekas dan seperti kata Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, apa yang penting ialah perasaan rakyat Malaysia, khususnya masyarakat Johor.

Memetik kata-kata beliau: "Rakyat mahukan kerajaan berpendirian tegas mengenai perkara ini. Oleh itu, kita perlu maklumkan kepada Singapura bahawa rakyat Malaysia khususnya di Johor berasa tersinggung dan terhina."

"Pemimpin Singapura sepatutnya menyemai sikap lebih positif mengenai soal kejiranan. Oleh itu perasaan rakyat perlu dipulihkan semula untuk mengelak sentimen ini berpanjangan."

Abdul Ghani bercakap berdasarkan pengalamannya melihat sikap dingin Singapura terhadap jirannya sejak beliau masih menjadi penuntut sehinggalah menjadi ketua kerajaan negeri.

Sejak menjadi Menteri Besar, beliau mengambil masa lebih setahun setengah sebelum menjejak kaki ke Singapura untuk lawatan rasmi menerusi restu kerajaan Pusat, Februari lalu.

Sebagai negara maju Singapura tentu melihat Malaysia lebih kerdil dan bersikap seolah-olah menaunginya, wal-hal negara ini, khususnya Johor mampu berdikari dan tidak perlu pengawasan daripada tetangganya.

Rata-rata anak kelahiran Johor yang ditemui dan diajukan persoalan ini menyedari sikap republik itu bukanlah perkara baru dan seringnya menuntut kesabaran agar memekakkan telinga dan tidak bertindak balas.

"Apabila kita berjiran, seharusnya kita bijak menjaga hati tetangga, apatah lagi jika kita memperoleh banyak manfaat daripada jiran kita itu. Janganlah kita memburukkan jiran kita dengan melebih-lebihkan cerita yang kurang sedap didengar."

"Teruk sangatkah kadar jenayah di Johor sekarang? Kalau teruk sangat, masakan begitu ramai ahli perniagaan Singapura melabur di sini dan warga republik itu berulang-alik setiap hari ke sini," kata seorang usahawan.

Setiap hari, segenap lapisan masyarakat di Johor menjadi pemerhati kepada keghairahan Singapura menikmati kepesatan ekonomi di negeri itu dan betapa seronoknya warga republik berkenaan menjadikan Johor rumah kedua mereka.

Semua pemerhatian itu menjadikan apa sekalipun muslihat Lee atau yang tersirat di hatinya ketika memasukkan kenyataan itu dalam afidavitnya, hati rakyat Johor sudah tercalar.

(END)